

# Dua sekawan dibebaskan, dilepaskan daripada pertuduhan miliki dadah

**KUCHING:** Dua sekawan terlepas hukuman penjara apabila Mahkamah Sesyen di sini, semalam melepas dan membebaskan mereka daripada pertuduhan memiliki Methamphetamine seberat 33.34 gram.

Hakim Saiful Bahari Adzmi menetapkan demikian terhadap Yu Tze Sung, 42, dan Kenny Lee Yong How, 31, setelah mendapati pihak pendakwa gagal membuktikan kes prima facie di akhir kes pendakwa.

Difahamkan, berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa juga, mahkamah berpendapat bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan salah satu inti pati pertuduhan, iaitu pemilikan atau kawalan ke atas dadah tersebut.



**BEBAS:** Yu (tiga kiri) dan Kenny Lee (empat kiri) bersama peguam mereka (dari kiri), Jong, Osman, Simon dan Moh berbincang mengenai kes tersebut semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

Dua sekawan terbabit didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2) akta

sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup atau selama

tempoh tidak kurang lima tahun, dan boleh dikenakan tidak kurang daripada 10 sebatan.

Mengikut pertuduhan, dua sekawan yang bekerja sebagai penjaja itu didakwa melakukan kesalahan terbabit sekitar jam 8.15 malam pada 3 November 2021, di dalam sebuah kereta diletakkan di pangsapuri terletak di Jalan Tun Jugah di sini.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Asymawi Ghazali itu menyaksikan pihak pendakwa memanggil lapan saksi untuk membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh.

Yu diwakili peguam Osman Ibrahim, sementara Kenny Lee diwakili peguam Simon Siah, Jong Yee Ling dan Moh Ung Kieng.